



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI

KETETAPAN UMUM

**MANFAAT TEMPAT KEDIAMAN YANG
DISEDIAKAN OLEH MAJIKAN KEPADA
PEKERJANYA**

KETETAPAN UMUM NO. 3/2005

TARIKH KELUARAN: 11 OGOS 2005



**MANFAAT TEMPAT KEDIAMAN
YANG DISEDIAKAN OLEH MAJIKAN
KEPADА PEKERJANYA**

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
MALAYSIA**

**Ketetapan Umum No. 3/2005
Tarikh Keluaran: 11 Ogos 2005**

KANDUNGAN	Muka surat
1. Pendahuluan	1
2. Interpretasi	1
3. Layanan cukai terhadap manfaat tempat kediaman yang disediakan	3
4. Pengiraan nilai premis kediaman	4
5. Kategori Pertama : Premis kediaman yang disediakan oleh majikan kepada pekerja (selain daripada pegawai Kerajaan / Badan Berkanun) atau pengarah urusan	4
6. Kategori Kedua : Premis kediaman yang disediakan oleh majikan kepada pengarah syarikat terkawal	8
7. Kategori Ketiga : Premis kediaman pekerja / pengarah urusan / pegawai Kerajaan atau Badan Berkanun	9
8. Premis kediaman yang disediakan untuk sebahagian daripada tempoh asas	10
9. Perbelanjaan yang boleh dibenarkan berkaitan premis kediaman yang disediakan oleh majikan dan kaedah pengiraannya	11
10. Tarikh kuatkuasa	15

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Ketetapan Umum dikeluarkan bertujuan memberi panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri. Ia menggariskan interpretasi Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri berhubung peruntukan tertentu Undang-undang Cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketetapan Umum boleh ditarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian, melalui notis penarikan balik atau dengan penerbitan ketetapan baru yang tidak konsisten dengannya.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Malaysia**



**MANFAAT TEMPAT KEDIAMAN
YANG DISEDIAKAN OLEH MAJIKAN
KEPADА PEKERJANYA**

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
MALAYSIA**

**Ketetapan Umum No. 3/2005
Tarikh Keluaran: 11 Ogos 2005**

1. Ketetapan ini menerangkan:
 - i. layanan cukai terhadap manfaat premis kediaman yang disediakan oleh majikan kepada pekerjanya;
 - ii. kaedah pengiraan nilai manfaat tersebut;
 - iii. keadaan di mana nilai manfaat tersebut boleh dikurangkan; dan
 - iv. perbelanjaan-perbelanjaan yang berkaitan dengan manfaat tersebut yang boleh dibenarkan bagi tujuan cukai pendapatan dan kaedah pengiraannya.
2. Peruntukan dalam Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang berkaitan dengan manfaat premis kediaman yang disediakan oleh majikan kepada pekerjanya adalah seksyen 2, 13, 18, 32, 33 dan 38.
3. Perkataan yang digunakan dalam Ketetapan ini mempunyai maksud berikut:
 - 3.1 “Majikan”, berhubung dengan sesuatu penggajian, bermaksud -
 - a. tuan, di mana wujud perhubungan di antara tuan dan orang suruhan;
 - b. jika perhubungan di antara tuan dan orang suruhan tidak wujud, ianya adalah orang yang membayar atau bertanggungjawab untuk membayar gaji pekerja yang digajikan, walaupun orang yang membayar dan pekerja itu adalah orang yang sama tetapi bertindak dalam kapasiti yang berlainan.
 - 3.2 “Nilai tertentu”, berhubung dengan premis kediaman yang disediakan oleh majikan kepada pekerjanya, bermaksud:
 - a. di mana kediaman itu tidak tertakluk kepada sebarang undang-undang bertulis yang menghadkan kawalan ke atas sewa dan orang yang menyediakan kediaman itu memegang kediaman tersebut secara pajakan, ianya adalah sewa yang dibayar atau patut dibayar jika kediaman itu disewakan tanpa perabot dan pemberi pajak dan pemegang pajak adalah orang yang bebas yang berurus mengikut transaksi selenggaran.
 - b. dalam keadaan lain, “nilai boleh ditaksir” atau apabila ketiadaan nilai boleh ditaksir, ianya adalah “sewa ekonomi”.
 - 3.3 “Nilai boleh ditaksir” berhubung dengan premis bermakna nilai tahunan premis itu seperti mana yang ditetapkan oleh badan berkuasa tempatan seperti Dewan Bandaraya, Majlis Perbandaran dan sebagainya bagi tujuan mentaksir cukai pintu.
 - 3.4 “Nilai pasaran” berkaitan dengan apa jua, bermakna harga yang boleh diperolehi baginya jika diperniagakan antara pembeli dan penjual mengikut transaksi selenggaran.

- 3.5 "Pekerja", berhubung dengan sesuatu penggajian, bermakna -
- orang suruhan, di mana wujud perhubungan di antara tuan dan orang suruhan;
 - jika perhubungan tersebut tidak wujud, ianya adalah pemegang perlantikan atau jawatan yang menzahirkan penggajian itu.
- 3.6 "Pendapatan kasar daripada penggajian di bawah perenggan 13(1)(a) ACP" termasuk upah, gaji, saraan, gaji cuti, fi, komisen, bonus, ganjaran, elauan atau perkusit (sama ada dalam bentuk wang atau sebaliknya) berkaitan dengan mempunyai atau menjalankan sesuatu penggajian.
- 3.7 "Penggajian" bermaksud -
- penggajian, di mana wujud perhubungan di antara tuan dan orang suruhan;
 - mana-mana perlantikan atau perjawatan, sama ada awam atau sebaliknya dan sama ada atau tidak terdapat perhubungan di antara tuan dan orang suruhan, yang mana saraan kena dibayar.
- 3.8 "Pengarah", berhubung dengan sebuah syarikat, termasuk -
- mana-mana orang yang menjawat jawatan pengarah (tidak kira bagaimana jawatan itu dinyatakan);
 - mana-mana orang yang mana arahan atau perintahnya menjadi kelaziman bagi pengarah atau staf syarikat untuk bertindak; dan
 - mana-mana orang yang -
 - adalah seorang pengurus syarikat atau terlibat dengan pengurusan perniagaan syarikat;
 - disarai daripada dana perniagaan syarikat; dan
 - sama ada secara bersendirian atau bersama seorang atau beberapa teman sekutu (dalam maksud subseksyen 139(7) ACP), menjadi pemilik benefisial kepada (atau berkebolehan secara langsung / melalui perantaraan syarikat-syarikat / melalui cara kawalan lain) 20% atau lebih modal saham biasa syarikat.
- 3.9 "Pengarah urusan", berhubung dengan sebuah syarikat, bermakna seorang pengarah yang digajikan dalam perkhidmatan syarikat di peringkat pengurusan atau teknikal dan beliau bukan, secara berasingan atau bersama seorang atau beberapa teman sekutu, pemilik benefisial kepada (atau berkebolehan secara langsung / melalui perantaraan syarikat-syarikat / melalui cara kawalan lain) lebih daripada 5% modal saham biasa syarikat.
- 3.10 "Premis" bermakna sebuah bangunan (atau, di mana sebuah bangunan itu dibahagikan kepada beberapa bahagian, bahagian-bahagian yang digunakan



**MANFAAT TEMPAT KEDIAMAN
YANG DISEDIAKAN OLEH MAJIKAN
KEPADA PEKERJANYA**

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
MALAYSIA**

**Ketetapan Umum No. 3/2005
Tarikh Keluaran: 11 Ogos 2005**

atau boleh digunakan secara berasingan sebagai flat kediaman atau tempat tinggal) dan termasuk -

- a. mana-mana bangunan lain atau sebahagian daripada sebuah bangunan yang digunakan atau bertujuan untuk digunakan bersama-sama sebagai pejabat domestik atau untuk tujuan sampingan lain;
 - b. mana-mana tanah yang terlekat kepada bangunan itu yang digunakan sebagai taman atau laman.
- 3.11 "Sewa ekonomi" adalah sewa yang berpatutan yang dijangka boleh diperolehi jika -
- a. pemberi pajak bersetuju membayar perbelanjaan insurans kebakaran, kadar awam, kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan; dan
 - b. tiada mana-mana undang-undang bertulis yang mempunyai syarat menghadkan dan mengawal sewa.
- 3.12 "Syarikat terkawal" bermakna sebuah syarikat yang mempunyai tidak lebih daripada lima puluh orang ahli dan dikawal secara yang dinyatakan di bawah seksyen 139 ACP oleh tidak lebih daripada lima orang.
- 3.13 "Tempoh asas" untuk suatu tahun taksiran berhubung dengan suatu punca penggajian bagi seorang individu adalah tahun berakhir 31 Disember.
- 3.14 "Tahun taksiran" (T/T) bermakna tahun kalender.

4. Layanan cukai terhadap manfaat tempat kediaman yang disediakan

- 4.1 Premis kediaman yang diperuntukkan kepada pekerjanya oleh majikannya adalah satu manfaat berupa barang yang tidak boleh ditukar kepada wang. Manfaat ini adalah sebahagian daripada pendapatan kasar penggajian pekerja kerana ia diperolehi / terbit daripada mempunyai atau menjalankan suatu penggajian.
- 4.2 Nilai manfaat ini dikenakan cukai secara khusus di bawah perenggan 13(1)(c) ACP. Amaun yang diambil kira sebagai sebahagian daripada pendapatan kasar daripada penggajian adalah amaun yang berkaitan dengan kegunaan atau bahagian yang dinikmati oleh pekerja berhubung dengan premis kediaman **di Malaysia** (termasuk premis yang didiami oleh majikan) yang diperuntukkan kepada pekerja oleh atau bagi pihak majikan secara percuma atau sebaliknya.
- 4.3 Nilai manfaat yang dianggap sebagai pendapatan kasar daripada penggajian di bawah perenggan 13(1)(c) ACP adalah nilai premis kediaman tanpa perabot, dengan tidak mengambil kira manfaat atau kemudahan lain yang disediakan. Oleh yang demikian, jika perabot diperuntukkan bersama premis



**MANFAAT TEMPAT KEDIAMAN
YANG DISEDIAKAN OLEH MAJIKAN
KEPADA PEKERJANYA**

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
MALAYSIA**

**Ketetapan Umum No. 3/2005
Tarikh Keluaran: 11 Ogos 2005**

kediaman, nilai manfaat ini (perabot) akan di ambil kira sebagai pendapatan kasar daripada penggajian di bawah perenggan 13(1)(b) ACP.

- 4.4 Nilai manfaat premis kediaman yang akan diambil kira termasuk bukan sahaja manfaat untuk pekerja tetapi juga bagi pasangannya, keluarga, orang gaji, tanggungan atau tetamu.

5. Pengiraan nilai premis kediaman

- 5.1 Pengiraan nilai premis kediaman yang disediakan oleh majikan kepada pekerja boleh dibahagi kepada 3 kategori seperti berikut -
- Premis kediaman yang disediakan oleh majikan kepada pekerja (selain daripada pegawai Kerajaan/Badan Berkanun) atau pengarah urusan;
 - Premis kediaman yang disediakan oleh majikan kepada pengarah (bukan pengarah urusan) sebuah syarikat terkawal; dan
 - Premis kediaman yang disediakan kepada pekerja / pengarah urusan / pegawai Kerajaan/Badan Berkanun.
- 5.2 **Kategori Pertama: Premis kediaman yang disediakan oleh majikan kepada pekerja (selain daripada pegawai Kerajaan/Badan Berkanun) atau pengarah urusan**
- 5.2.1 Pengiraan adalah mengikut perenggan 32(2)(a) ACP. Amaun nilai premis kediaman yang diambil kira sebagai sebahagian daripada pendapatan kasar daripada penggajian adalah -

Nilai tertentu premis kediaman itu

Atau

30% daripada pendapatan kasar daripada penggajian di bawah perenggan 13(1)(a) ACP

Yang mana kurang.

Contoh 1

Encik Ali, seorang akauntan di sebuah syarikat pemaju perumahan, memperolehi pendapatan kasar daripada penggajian di bawah perenggan 13(1)(a) ACP berjumlah RM120,000 bagi tahun berakhir 31.12.2005. Majikannya juga memperuntukkan kepada beliau kemudahan tempat tinggal secara percuma sepanjang tahun 2005. Nilai tertentu premis kediaman tersebut adalah RM24,000.

Pendapatan kasar daripada penggajian Encik Ali di bawah perenggan 13(1)(c) ACP untuk T/T 2005 dikira seperti berikut:

$$30\% \times RM120,000 = RM36,000$$



**MANFAAT TEMPAT KEDIAMAN
YANG DISEDIAKAN OLEH MAJIKAN
KEPADA PEKERJANYA**

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
MALAYSIA**

**Ketetapan Umum No. 3/2005
Tarikh Keluaran: 11 Ogos 2005**

Atau

*Nilai tertentu premis kediaman = RM24,000
Yang mana kurang.*

Oleh yang demikian, manfaat nilai premis kediaman yang dinikmati oleh Encik Ali untuk T/T 2005 adalah RM24,000.

Contoh 2

Puan Bee, seorang pengurus kanan di sebuah syarikat pengeluar minyak, memperolehi pendapatan kasar daripada penggajian di bawah perenggan 13(1)(a) ACP sebanyak RM240,000 bagi tahun berakhir 31.12.2005. Majikan beliau menyediakan kepadanya kemudahan premis kediaman secara percuma sepanjang tahun 2005. Premis ini dimiliki oleh majikannya. Nilai tahunan premis ini bagi tahun 2005 seperti mana yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan adalah RM12,000.

Pendapatan kasar daripada penggajian Puan Bee di bawah perenggan 13(1)(c) ACP untuk T/T 2005 dikira seperti berikut:

30% X RM240,000 = RM72,000

Atau

*Nilai tertentu premis kediaman = RM12,000
Yang mana kurang*

Oleh yang demikian, manfaat nilai premis kediaman yang dinikmati oleh Puan Bee untuk T/T 2005 adalah RM12,000.

(Nota: Dalam keadaan di mana ketidaan sewa yang dibayar bagi sesuatu premis kediaman, nilai tertentunya adalah nilai boleh ditaksir seperti mana yang ditentukan oleh pihak berkuasa tempatan bagi maksud pembayaran cukai pintu.)

- 5.2.2 Dalam membuat perbandingan di antara 30% pendapatan kasar daripada penggajian di bawah perenggan 13(1)(a) ACP dengan nilai tertentu premis kediaman, perbandingan hendaklah berdasarkan kepada tempoh yang sama.

Contoh 3

Pada 1.7.2005, Encik See mula bertugas dengan Syarikat XYZ Sdn Bhd, sebagai seorang penyelidik. Dia dibayar gaji RM6,000 sebulan. Disamping itu, majikan beliau juga memperuntukkan kemudahan premis kediaman secara percuma sehingga akhir tahun kepada beliau. Sewa yang dibayar oleh majikan bagi premis kediaman ini adalah RM1,000 sebulan.



**MANFAAT TEMPAT KEDIAMAN
YANG DISEDIAKAN OLEH MAJIKAN
KEPADA PEKERJANYA**

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
MALAYSIA**

**Ketetapan Umum No. 3/2005
Tarikh Keluaran: 11 Ogos 2005**

Pendapatan kasar daripada penggajian Encik See di bawah perenggan 13(1)(c) ACP untuk T/T 2005 dikira seperti berikut:

$$30\% \times (6 \text{ bulan} \times RM6,000) = RM10,800$$

Atau

$$\text{Nilai tertentu* premis kediaman} = RM1,000 \times 6 \text{ bulan} = RM6,000$$

Yang mana kurang

Oleh yang demikian, nilai manfaat premis kediaman yang dinikmati oleh Encik See untuk T/T 2005 adalah RM6,000.

Dalam contoh ini, perbandingan di antara 30% pendapatan kasar daripada penggajian di bawah perenggan 13(1)(a) ACP dan nilai tertentu premis adalah bagi tempoh yang sama iaitu dari 1.7.2005 hingga 31.12.2005.

(Catatan : Nilai tertentu adalah sewa yang dibayar oleh majikan untuk premis kediaman tersebut).*

- 5.2.3 Perenggan 32(3)(c) ACP membolehkan manfaat nilai premis kediaman dikurangkan sewajarnya jika:
- i. premis kediaman dikongsi dengan pekerja lain;
 - ii. pekerja dikehendaki tinggal di premis tertentu; atau
 - iii. pekerja dikehendaki atau dijangka oleh majikannya supaya menggunakan sebahagian daripada premis kediaman itu untuk memajukan kepentingan majikan dan bagi tujuan tersebut premis kediaman itu adalah lebih besar daripada apa yang diperlukan oleh pekerja.

Nilai tertentu untuk kediaman tersebut boleh dikurangkan secara bersesuaian kepada suatu amaun yang adil dan munasabah dalam semua keadaan. Beberapa contoh asas pembahagian yang boleh diguna pakai adalah:

- dengan menentukan nisbah ruang lantai yang digunakan untuk perniagaan majikan kepada keseluruhan ruang lantai premis tersebut; atau
- dengan mengira bilangan hari dalam tahun premis itu digunakan untuk keraian atau tempat kediaman pelanggan majikan.

- 5.2.4 Dalam membuat pelarasian bagi mengurangkan manfaat ke atas nilai premis kediaman, perkara yang dilaraskan hanyalah nilai tertentu premis kediaman tersebut sahaja dan bukannya angka 30% daripada pendapatan kasar daripada penggajian di bawah perenggan 13(1)(a) ACP.



**MANFAAT TEMPAT KEDIAMAN
YANG DISEDIAKAN OLEH MAJIKAN
KEPADA PEKERJANYA**

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
MALAYSIA**

**Ketetapan Umum No. 3/2005
Tarikh Keluaran: 11 Ogos 2005**

Contoh 4

Cik Dee, seorang pakar bius di sebuah hospital swasta, memperolehi pendapatan kasar daripada penggajian di bawah perenggan 13(1)(a) ACP berjumlah RM120,000 bagi tahun berakhir 31.12.2005. Cik Dee diberi kemudahan premis kediaman secara percuma sepanjang tahun 2005. Kemudahan ini dikongsi bersama dengan seorang doktor lain yang bertugas di hospital yang sama. Nilai tertentu tempat kediaman tersebut adalah RM30,000.

Pendapatan kasar daripada penggajian Cik Dee di bawah perenggan 13(1)(c) ACP untuk T/T 2005 dikira seperti berikut:

$$30\% \times RM120,000 = RM36,000$$

Atau

$$\text{Nilai tertentu premis kediaman} = \frac{1}{2} \times RM30,000 = RM15,000$$

Yang mana kurang

Oleh yang demikian, manfaat nilai premis kediaman yang dinikmati oleh Cik Dee untuk T/T 2005 adalah RM15,000.

Contoh 5

Encik Ee, seorang pengarah urusan di sebuah syarikat terkawal, memperolehi pendapatan kasar daripada penggajian di bawah perenggan 13(1)(a) ACP berjumlah RM150,000 bagi tahun berakhir 31.12.2005. Dia juga menikmati manfaat sebuah premis kediaman yang disewakan oleh majikannya pada kadar RM4,000 sebulan. Premis kediaman tersebut adalah terlalu besar untuk keperluannya dan dia seringkali meraikan tetamu majikan di premis tersebut. Dia menentukan bahawa 1/3 daripada bahagian premis tersebut digunakan untuk tujuan rasmi syarikat.

Pendapatan kasar daripada penggajian di bawah perenggan 13(1)(c) ACP yang diambil kira ke atas Encik Ee untuk T/T 2005 adalah:

$$30\% \times RM150,000 = RM45,000$$

Atau

$$\text{Nilai tertentu* premis iaitu } RM4,000 \times 12 \times \frac{2}{3} = RM32,000$$

Yang mana kurang

(Nota: Nilai tertentu adalah sewa yang dibayar oleh majikan ke atas premis kediaman tersebut)*

Oleh itu, nilai premis kediaman di bawah perenggan 13(1)(c) ACP adalah RM32,000.



**MANFAAT TEMPAT KEDIAMAN
YANG DISEDIAKAN OLEH MAJIKAN
KEPADA PEKERJANYA**

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
MALAYSIA**

**Ketetapan Umum No. 3/2005
Tarikh Keluaran: 11 Ogos 2005**

5.3 Kategori Kedua: Premis kediamaan yang disediakan oleh majikan kepada pengarah syarikat terkawal

- 5.3.1 Bagi kategori ini, pengiraan adalah mengikut perenggan 32(3)(a) ACP. Nilai manfaat premis kediamaan yang diambil kira sebagai sebahagian daripada pendapatan kasar penggajian adalah -

Nilai tertentu premis kediamaan tersebut

- 5.3.2 Pengiraan dibuat tanpa apa-apa -

- perbandingan dengan 30% pendapatan kasar daripada penggajian di bawah perenggan 13(1)(a) ACP.
- pelarasan terhadap nilai tertentu premis dalam keadaan jika -
 - premis tersebut lebih besar daripada keperluan pengarah; ataupun
 - pengarah tersebut dikehendaki mendiami premis itu.

- 5.3.3 Walau bagaimanapun, nilai tertentu boleh dilaraskan sewajarnya jika premis kediamaan itu dikongsi dengan pekerja lain yang bekerja di syarikat yang sama.

Contoh 6

Encik Alf, seorang pengarah (bukan pengarah urusan) sebuah syarikat terkawal, memperolehi pendapatan kasar daripada penggajian di bawah perenggan 13(1)(a) ACP sebanyak RM200,000 bagi tahun berakhir 31.12.2005. Dia juga menikmati manfaat kediamaan yang disediakan oleh majikannya. Sewa yang dibayar oleh majikannya terhadap premis kediamaan ini adalah RM4,800 sebulan termasuk sewa ke atas perabot berjumlah RM1,200 sebulan. Sepanjang tahun 2005, premis ini dikongsi bersama dengan seorang pengarah lain yang bertugas di syarikat yang sama.

Pengiraan nilai manfaat premis kediamaan di bawah perenggan 13(1)(c) ACP bagi Encik Alf untuk T/T 2005 dikira seperti berikut:

$$\frac{1}{2} \times (\text{RM}4,800 - \text{RM}1,200^*) \times 12 = \text{RM}21,600$$

(Nota: Sewa yang dibayar ke atas perabot dikeluarkan daripada pengiraan nilai manfaat premis kediamaan di bawah perenggan 13(1)(c) ACP. Bahagian sewa perabot sebanyak RM1,200 sebulan adalah manfaat berupa barang yang akan ditaksir di bawah perenggan 13(1)(b) ACP. Walau bagaimanapun, di dalam menentukan pendapatan kasar daripada penggajian di bawah perenggan 13(1)(b) ACP, majikan diberi pilihan untuk menggunakan nilai seperti mana*



**MANFAAT TEMPAT KEDIAMAN
YANG DISEDIAKAN OLEH MAJIKAN
KEPADA PEKERJANYA**

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
MALAYSIA**

**Ketetapan Umum No. 3/2005
Tarikh Keluaran: 11 Ogos 2005**

yang ditetapkan oleh Ketetapan Umum No. 2/2004 - Manfaat Berupa Barang).

5.4 Kategori Ketiga: Premis kediaman bagi pekerja / pengarah urusan / pegawai Kerajaan atau Badan Berkanun

- 5.4.1 Jika premis kediaman yang diperuntukkan kepada mana-mana pekerja atau pengarah, kecuali pengarah (bukan pengarah urusan) syarikat terkawal, adalah -
- di hotel, asrama atau premis yang serupa; atau
 - mana-mana premis di sebuah ladang atau hutan; atau
 - mana-mana premis yang boleh dikadarkan tetapi tidak dikadarkan, amaun yang akan diambil kira sebagai nilai ke atas manfaat premis kediaman di bawah perenggan 13(1)(c) ACP adalah -

Amaun yang bersamaan dengan 3% daripada pendapatan kasar daripada penggajian di bawah perenggan 13(1)(a) ACP.

Bagi kategori ini, pengiraan adalah mengikut perenggan 32(2)(b) ACP.

- 5.4.2 Bagi pegawai kerajaan yang diperuntukkan premis kediaman yang dibantu oleh Kerajaan umpamanya mes, calet dan hotel atau premis kediaman itu disewa daripada sektor swasta, amaun yang diambil kira sebagai manfaat premis kediaman di bawah perenggan 13(1)(c) ACP adalah 3% daripada pendapatan kasar daripada penggajian di bawah perenggan 13(1)(a) ACP, tanpa sebarang potongan ke atas sewa yang dikenakan oleh Kerajaan.
- 5.4.3 Akan tetapi, bagi pegawai yang menduduki rumah Kerajaan dan terpaksa membayar sewa ekonomi berdasarkan ketetapan Kerajaan, nilai tempat kediaman ke atas rumah Kerajaan tersebut tidak akan diambil kira sebagai pendapatan kasar daripada penggajian di bawah perenggan 13(1)(c) ACP. Walau bagaimanapun, elaun perumahan jika diterima oleh pegawai tersebut hendaklah diambil kira sebagai pendapatan kasar daripada penggajian di bawah perenggan 13(1)(a) ACP.
- 5.4.4 Di mana sebuah premis dimiliki oleh sebuah badan berkanun dan ianya disediakan kepada pekerja sama ada secara percuma ataupun pada kadar sewa nominal, amaun yang diambil kira sebagai manfaat premis kediaman di bawah perenggan 13(1)(c) ACP adalah 3% daripada pendapatan kasar daripada penggajian di bawah perenggan 13(1)(a) ACP.



**MANFAAT TEMPAT KEDIAMAN
YANG DISEDIAKAN OLEH MAJIKAN
KEPADA PEKERJANYA**

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
MALAYSIA**

**Ketetapan Umum No. 3/2005
Tarikh Keluaran: 11 Ogos 2005**

- 5.4.5 Di mana premis dimiliki oleh sebuah badan berkanun dan pekerja yang mendudukinya dikehendaki membayar sewa ekonomi berdasarkan kepada ketetapan Badan Berkanun tersebut, nilai kediaman ke atas premis yang disediakan itu tidak akan diambil kira sebagai pendapatan kasar daripada penggajian di bawah perenggan 13(1)(c) ACP.
- 5.4.6 Di mana premis kediaman yang disediakan di premis yang disewa oleh badan berkanun dan pekerja tidak dikenakan sewa atau dikenakan sewa pada kadar nominal, nilai premis kediaman tersebut adalah 3% daripada pendapatan kasar daripada penggajian di bawah perenggan 13(1)(a) ACP.
- 5.5 **Premis kediaman yang disediakan untuk sebahagian daripada tempoh asas**
- 5.5.1 Jika premis kediaman dalam kategori pertama sehingga kategori ketiga diperuntukkan bagi tempoh kurang daripada 12 bulan dalam suatu tempoh asas, amaun yang patut diambil kira sebagai manfaat di bawah perenggan 13(1)(c) ACP hendaklah dikurangkan dengan sewajarnya.
- 5.5.2 Asas pengurangan adalah tempoh kediaman itu diperuntukkan dan bukan tempoh sebenar didiami.

Contoh 7

Jika premis kediaman yang diperuntukkan kepada Encik Ali dalam Contoh 1 adalah bagi tempoh 1.7.2005 sehingga 31.12.2005, pendapatan kasar daripada penggajian beliau di bawah perenggan 13(1)(c) ACP untuk T/T 2005 dikira seperti berikut:

$$30\% \times RM120,000 = RM36,000$$

Atau

$$\text{Nilai tertentu premis} = RM24,000$$

Yang mana kurang

Amaun yang terkurang adalah RM24,000.

Oleh yang demikian, nilai premis kediaman bagi tempoh 1.7.2005 sehingga 31.12.2005 adalah:

$$6/12 \times RM24,000 = RM12,000$$

Contoh 8

Jika premis kediaman yang diperuntukkan untuk Puan Bee dalam Contoh 2 adalah bagi tempoh 1.4.2005 sehingga 31.12.2005, dan beliau hanya mula menduduki premis tersebut mulai 1.7.2005,



**MANFAAT TEMPAT KEDIAMAN
YANG DISEDIAKAN OLEH MAJIKAN
KEPADA PEKERJANYA**

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
MALAYSIA**

**Ketetapan Umum No. 3/2005
Tarikh Keluaran: 11 Ogos 2005**

pendapatan kasar daripada penggajian beliau di bawah perenggan 13(1)(c) ACP untuk T/T 2005 dikira seperti berikut:

$$30\% \times RM240,000 = RM72,000$$

Atau

$$\text{Nilai tertentu premis kediaman iaitu} = RM12,000$$

Yang mana kurang

Amaun yang terkurang adalah RM12,000.

Oleh yang demikian, manfaat nilai premis kediaman yang dinikmati oleh Puan Bee dalam contoh ini adalah:

$$9/12 \times RM12,000 = RM9,000.$$

Dalam contoh ini, pengurangan dibuat berdasarkan tempoh kediaman itu diperuntukkan dan bukan tempoh sebenar didiami.

6 Perbelanjaan yang boleh dibenarkan berkaitan dengan premis kediaman yang disediakan oleh majikan dan kaedah pengiraannya

- 6.1 Seksyen 38 ACP membenarkan potongan ke atas perbelanjaan berikut yang dibayar oleh pekerja berkaitan dengan tempoh kediaman yang disediakan:
- a. sewa
 - b. apa-apa kadar awam atau premium insurans
 - c. perbelanjaan membaki atau menyelenggara premis.

Contoh 9

Gee, seorang pengurus di sebuah syarikat swasta, diperuntukkan oleh majikannya sebuah premis kediaman kosong sepanjang tahun 2005. Majikan telah memperolehi premis tersebut melalui pajakan dengan kadar RM1,000 sebulan dan mensyaratkan supaya Gee membayar kepadanya RM500 sebulan. Pendapatan kasar daripada penggajian Gee di bawah perenggan 13(1)(a) ACP bagi tahun berakhir 31.12.2005 adalah RM30,000.

Pendapatan larasan daripada penggajian Gee untuk T/T 2005 dikira seperti berikut:

	RM
Pendapatan kasar di bawah perenggan 13(1)(a) ACP	30,000
Pendapatan kasar di bawah perenggan 13(1)(c) ACP	
30% X RM30,000 = RM9,000	
Atau	
Nilai tertentu premis kediaman = RM1,000 X 12 = RM12,000	
Yang mana kurang	<u>9,000</u>
Pendapatan kasar daripada penggajian	39,000
Tolak: sewa yang dibayar (RM500 X 12)	<u>6,000</u>
Pendapatan larasan daripada penggajian	<u>33,000</u>



**MANFAAT TEMPAT KEDIAMAN
YANG DISEDIAKAN OLEH MAJIKAN
KEPADA PEKERJANYA**

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
MALAYSIA**

**Ketetapan Umum No. 3/2005
Tarikh Keluaran: 11 Ogos 2005**

- 6.2 Di mana pendapatan kasar daripada penggajian termasuk nilai perabot yang disediakan oleh majikan bersama-sama dengan premis kediaman, sewa yang dibayar oleh pekerja untuk perabot itu boleh dibenarkan sebagai potongan dalam mengira pendapatan larasan daripada penggajian. Potongan bagi sewa yang dibayar oleh pekerja untuk premis kediaman akan dikira berasingan. Perenggan 38(1)(a) ACP diguna pakai.
- 6.3 Di mana premis kediaman disediakan berperabot dan kediaman itu dipegang oleh atau bagi pihak majikan atas satu pajakan mengikut apa yang sepatutnya adalah sewa ekonomi, dan jika sewa berkaitan dengan perabot itu diabaikan, sebahagian daripada sewa yang kena dibayar oleh pekerja boleh dibenarkan sebagai potongan di dalam mengira pendapatan larasan daripada penggajian. Potongan yang dibenarkan dikira seperti berikut:

Sewa yang kena dibayar oleh pekerja _____ Sewa ekonomi
Sewa yang kena dibayar oleh/bagi pihak majikan X
- subperenggan 38(1)(b)(iv) ACP.

Contoh 10

Hedge, seorang pengarah (bukan pengarah urusan) sebuah syarikat terkawal, disediakan oleh majikannya sebuah premis kediaman lengkap berperabot sepanjang tahun 2005. Beliau disyaratkan membayar sewa sebanyak RM12,000 setahun kepada majikannya. Majikan memperolehi premis kediaman itu melalui pajakan dengan kadar RM7,500 sebulan. Sewa ekonomi iaitu sewa premis sebulan tidak termasuk perabot adalah RM6,000. Pendapatan kasar daripada penggajian Hedge di bawah perenggan 13(1)(a) ACP bagi tahun berakhir 31.12.2005 adalah RM200,000.

Pendapatan larasan Hedge daripada penggajian untuk T/T 2005 dikira seperti berikut:

	RM	RM
<i>Pendapatan kasar di bawah per. 13(1)(a) ACP</i>		200,000
<i>Pendapatan kasar di bawah per. 13(1)(b) ACP</i>		
<i>Perabot (RM7,500 - RM6,000) X 12</i>	= 18,000	
<i>Pendapatan kasar penggajian 13(1)(c)ACP</i>		
<i>RM6,000 X 12</i>	= <u>72,000</u>	90,000
<i>Pendapatan kasar daripada penggajian</i>		290,000
<i>Tolak:</i>		

Sewa rumah:

$$\underline{RM12,000} \times \underline{RM72,000} = RM9,600 \text{ subper. } 38(1)(b)(v) \text{ ACP}$$
$$RM90,000$$

Perabot:

$$RM12,000 - RM9,600 = RM2,400 \text{ subper. } 38(1)(b)(iv) \text{ ACP}$$



**MANFAAT TEMPAT KEDIAMAN
YANG DISEDIAKAN OLEH MAJIKAN
KEPADA PEKERJANYA**

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
MALAYSIA**

**Ketetapan Umum No. 3/2005
Tarikh Keluaran: 11 Ogos 2005**

<i>Jumlah perbelanjaan yang dibenarkan</i>	<u>12,000</u>
<i>Pendapatan larasan daripada penggajian</i>	<u>278,000</u>

- 6.4 Di mana premis kediaman disediakan berperabot dan perenggan 6.3 Ketetapan Umum ini tidak terpakai, sebahagian daripada sewa yang kena dibayar oleh pekerja adalah dibenarkan sebagai potongan di dalam mengira pendapatan larasan daripada penggajian. Potongan yang dibenarkan dikira seperti berikut:

<i>Sewa yang dibayar oleh pekerja</i>	X	Nilai tertentu
Agregat sewa ekonomi dan sewa yang bersesuaian dengan nilai pasaran		

-subperenggan 38(1)(b)(v) ACP.

Contoh 11

Jay, seorang pengarah (bukan pengarah urusan) sebuah syarikat terkawal, diberi kemudahan untuk tinggal di premis kediaman yang lengkap berperabot sepanjang tahun 2005 dengan syarat dia membayar sewa tahunan RM8,400 kepada majikannya. Premis ini dipajak daripada sebuah syarikat sekutu pada kadar tahunan RM18,000. Kadar komersialnya adalah RM36,000 setahun manakala sewa perabot tahunan adalah RM12,000. Pendapatan kasar daripada penggajian Jay di bawah perenggan 13(1)(a) ACP bagi tahun berakhir 31.12.2005 adalah RM120,000.

Pendapatan larasan daripada penggajian Jay untuk T/T 2005 dikira seperti berikut:

	<i>RM</i>
<i>Pendapatan kasar di bawah perenggan 13(1)(a) ACP</i>	120,000
<i>Pendapatan kasar di bawah perenggan 13(1)(b) ACP</i>	12,000
<i>Pendapatan kasar di bawah perenggan 13(1)(c) ACP</i>	
- nilai tertentu	36,000
<i>Pendapatan kasar daripada penggajian</i>	168,000

Tolak:

Sewa rumah

RM8,400 X 36,000 = RM6,300 subperenggan 38(1)(b)(v) ACP

*48,000**

Perabot

RM8,400 - RM6,300 = RM2,100 subperenggan 38(1)(b)(a) ACP

Jumlah perbelanjaan yang dibenarkan

8,400

Pendapatan larasan daripada penggajian

159,600

(Nota: Angka RM48,000 ini terdiri daripada sewa premis RM36,000 dan sewa perabot RM12,000).*



MANFAAT TEMPAT KEDIAMAN YANG DISEDIAKAN OLEH MAJIKAN KEPADА PEKERJANYA

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Ketetapan Umum No. 3/2005
Tarikh Keluaran: 11 Ogos 2005

- 6.5 Potongan bagi amaun sewa yang dibayar untuk tempat kediaman dan perabot tidak boleh melebihi nilai premis kediaman dan perabot yang diambil kira dalam mengira pendapatan kasar penggajian - subseksyen 38(3) ACP.

Contoh 12

Kay, seorang pengurus pengeluaran di sebuah syarikat pengilangan, diperuntukkan dengan sebuah premis kediaman lengkap dengan perabot sepanjang tahun 2005. Nilai tertentu premis kediaman itu adalah RM16,200 setahun sementara nilai perabot adalah RM2,400 setahun. Kay disyaratkan supaya membayar sewa RM2,000 sebulan kepada majikannya bagi manfaat kediaman dan perabot. Pendapatan penggajian Kay di bawah perenggan 13(1)(a) ACP adalah RM60,000 bagi tahun berakhir 31.12.2005.

Pendapatan larasan daripada punca penggajian Kay bagi tahun taksiran 2005 dikira seperti berikut:

	<i>RM</i>
<i>Pendapatan di bawah perenggan 13(1)(a) ACP</i>	60,000
<i>Pendapatan di bawah perenggan 13(1)(b) ACP</i>	2,400
<i>Pendapatan di bawah perenggan 13(1)(c) ACP</i>	
$30\% \times RM60,000 = RM18,000$	
<i>Atau</i>	
<i>Nilai tertentu=RM16,200</i>	
<i>yang mana kurang</i>	<u>16,200</u>
<i>Pendapatan kasar daripada penggajian</i>	78,600
<i>Tolak:</i>	
<i>Sewa: <u>RM24,000</u> X RM16,200 = RM20,903 subper. 38(1)(b)(v) ACP</i>	
<i>RM18,600</i>	
<i>Perabot: RM24,000 - RM20,903 = <u>RM 3,097</u> subper 38(1)(b)(iv) ACP</i>	
<i>RM24,000 terhad kepada</i>	<u>18,600</u>
<i>Pendapatan larasan daripada penggajian</i>	60,000

7. Dalam mengira nilai manfaat premis kediaman bagi anggota pentadbiran dan kakitangan awam, perenggan 13(1)(c) ACP hendaklah dikira berdasarkan 3% daripada pendapatan kasar di bawah perenggan 13(1)(a) ACP termasuk juga elaun-elaun yang diterima di dalam menjalankan tugas rasmi di mana elaun-elaun tersebut adalah dianggap telah dibelanjakan sepenuhnya bagi maksud cukai pendapatan.

Contoh 13

Encik Ali bin Abu, seorang pegawai kanan Kerajaan telah diperuntukkan premis kediaman dilengkapi sepenuhnya dengan perabot secara percuma oleh Kerajaan. Pendapatan yang diterima oleh Encik Ali bagi tahun berakhir 31.12.2005 adalah seperti berikut:

- gaji - RM108,600



**MANFAAT TEMPAT KEDIAMAN
YANG DISEDIAKAN OLEH MAJIKAN
KEPADA PEKERJANYA**

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
MALAYSIA**

**Ketetapan Umum No. 3/2005
Tarikh Keluaran: 11 Ogos 2005**

- imbuhan tahunan - RM5,255
- elaun khas - RM43,200
- elaun selenggara rumah - RM3,000
- elaun keraian - RM55,200
- elaun orang gaji - RM12,000
- elaun bantuan pemandu - RM14,793.

Elaun-elaun tersebut telah dianggap dibelanjakan sepenuhnya di dalam menjalankan tugas rasmi bagi maksud cukai pendapatan.

Pendapatan larasan/berkanun daripada punca penggajian untuk Encik Ali bin Abu untuk T/T 2005 dikira seperti berikut:

	RM	RM	Seksyen dalam ACP
Gaji		108,600	per. 13(1)(a)
Elaun khas	43,200		per. 13(1)(a)
Elaun selenggara rumah	3,000		per. 13(1)(a)
Imbuhan tahunan	5,255		per. 13(1)(a)
Elaun keraian	55,200		per. 13(1)(a)
Elaun bantuan pemandu	14,793		per. 13(1)(a)
Elaun orang gaji	<u>12,000</u>	<u>133,448</u>	perenggan 13(1)(a)
Pendapatan kasar per. 13(1)(a)		242,048	
Pendapatan di bawah per. 13(1)(b)		3,360	Ketetapan Umum No. 2/2004
Pendapatan per. 13(1)(c): 3% x 242,048		<u>7,261</u>	subper. 32(2)(b)(iii)
Pendapatan kasar drp penggajian		252,669	subseksyen 13(1)
Tolak: <i>Perbelanjaan dianggap dibelanjakan sepenuhnya:</i>			
Elaun selenggara rumah	3,000		
Elaun keraian	55,200		
Elaun orang gaji	12,000		subseksyen 33(1) dan
Elaun bantuan pemandu	<u>14,793</u>	<u>84,993</u>	seksyen 38 dan 38A
Pendapatan larasan/berkanun daripada penggajian		<u>167,676</u>	seksyen 42

8. Ketetapan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 2005 dan tahun taksiran seterusnya.

**Ketua Pengarah
Hasil Dalam Negeri**